

Komited perkukuh kerjasama ASEAN

Kuala Lumpur: Malaysia perlu berdiri bersama ASEAN dalam usaha memastikan keamanan rantau, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam ucapan sempena Hari ASEAN ke-57, Perdana Menteri berkata, Malaysia komited untuk memperjuangkan kerjasama di antara negara dalam ASEAN mencakupi pelbagai bidang

“Hari ini kita menyambut Hari

ASEAN ke-57, hari penting untuk mengingatkan kita supaya berdiri dan bekerjasama untuk memastikan rantau yang aman, stabil dan makmur.

“Saya berharap ASEAN terus menumpukan usaha memperkuh perkongsian ekonomi di kalangan negara anggotanya dan menjalin masa depan yang lebih baik bersama.

“Malaysia komited untuk

memperjuangkan kerjasama di antara negara dalam pelbagai bidang. Selamat Hari ASEAN ke-57,” katanya di laman media sosial rasminya, semalam.

ASEAN ditubuhkan pada 8 Ogos 1967 di Bangkok, Thailand, dengan termeterainya Deklarasi ASEAN (Deklarasi Bangkok) oleh negara pengasas, iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand.